



MAJLIS BANDARAYA IPOH PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan **keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut: -

1. JAWATAN : **PEGAWAI TADBIR GRED N9 (PERAKAUNAN – SISTEM MAKLUMAT)**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
- JADUAL GAJI (MIN – MAX) : **GRED N9**
RM 2,250.00 – RM 11,110.00
- TARAF JAWATAN : **KONTRAK**
- SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau
(ii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).
 - (d) (i) **Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf dan disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR).**

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN : 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penghulu, Penolong Pegawai Tanah, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N5, N6, N7 atau N8 atau Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT5, NT6, NT7 atau NT8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- FUNGSI BIDANG TUGAS : 4. Bertanggungjawab dalam mengurus serta memantau aplikasi perkakasan dan perisian sistem, perkhidmatan teknikal dan juga rangkaian yang digunapakai di Majlis disamping usaha untuk membuat perancangan, menaik taraf dan membuat sistem pembaikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (**online**) sahaja dengan melayari laman web Majlis Bandaraya Ipoh di **www.mbi.gov.my** dan pemohon akan dihubungkan ke Portal Perak Digital (Aplikasi Kerajaan Negeri Perak).

Tarikh tutup permohonan : 7 APRIL 2025 (ISNIN)

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temuduga.**
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.**
- (c) Hanya calon-calon yang diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar sahaja yang dilantik mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.**
- (d) Calon perlu memuat naik LESEN MEMANDU, DIPLOMA/IJAZAH, SIJIL-SIJIL BERKAITAN dan SALINAN CETAKAN AKREDITASI bagi dokumen tambahan dalam permohonan jawatan yang berkaitan.**
- (e) Calon boleh menyemak dan mencetak kelayakan melalui Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam dalam Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi salinan cetakan akreditasi dengan membuat carian program pengajian dari:**
 - (i) eSisraf : <http://www2.mqa.gov.my/esisraf>; atau**
 - (ii) MQR : <http://www2.mqa.gov.my/mqr>.**